KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PTG TERENGGANU			

3,000 hektar tanah diceroboh

Tanah kerajaan Terengganu diteroka untuk tanam kelapa sawit

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Dianggarkan lebih 3,000 hektar tanah kerajaan di Terengganu diteroka secara haram pihak tidak bertanggungjawab dengan sebahagian besarnya ditanam kelapa sawit.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim berkata, masalah tersebut sudah berlarutan sejak 15 tahun lalu melibatkan beberapa daerah termasuk Setiu.

FOTO: BERNAMA



Kerajaan negeri Terengganu sedia membantu orang ramai menyelesaikan isu penerokaan tanah mengikut peruntukan undang-undang.

"Saya tidak ada masalah untuk turun sendiri berbincang secara baik dan harmoni.

"Kita tidak bercakap dalam topik penguatkuasaan atau pendakwaan tetapi bagaimana ruang peraturan dan undang-undang sedia ada boleh dimanfaatkan untuk membuka jalan supaya yang 'haram' boleh 'dihalalkan'.



DR AZMAN

"Harapannya supaya rakyat kita boleh terus cari rezeki dan kerajaan sebagai tuan tanah dapat hak.

"Paling penting urus tadbir tanah boleh diatur dan diperkemaskan kerana negeri kita ada undang-undang," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Azman, kerajaan negeri menyediakan beberapa pelan penyelesaian isu lapuk ini bagi membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat bersama.

Beliau berkata, status tanah halal atau mempunyai hak milik penting kerana selain mampu meningkatkan hasil dan pendapatan, pekebun juga memperoleh banyak keistimewaan lain.

"Oleh itu saya harap pekebun dapat mengambil peluang ini dengan menjadikan tanah yang diteroka kepada status halal supaya tidak timbul masalah pada kemudian hari," katanya.

Azman juga berharap isu Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai syarat kepada pekebun menjual sawit mereka bermula tahun depan akan dapat diselesaikan dengan penyelesaian status tanah.

"Ini kerana untuk dapat sijil MSPO, status tanah yang diusahakan mesti halal," katanya.